

Datuk Dr Mohammad Yusof Apdal menyempurnakan Majlis Perasmian Pembukaan Program Malaysia Techlympic Peringkar Zon Sabah 2026, di Universiti Malaysia Sabah (UMS), hari ini. Foto TVS

Malaysia Techlympic perkasa bakat STI muda

By ***TVS*** **#bm, Malaysia September 21, 2026 4:09 PM**

KOTA KINABALU, 21 Sept: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) terus memperkukuh pembudayaan sains, teknologi dan inovasi (STI) menerusi penganjuran Malaysia Techlympic 2026 bagi memberi pendedahan serta pengalaman awal kepada generasi muda dalam bidang berkenaan.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Mohammad Yusof Apdal berkata, penganjuran program itu memberi penekanan kepada aktiviti berasaskan pengalaman secara langsung, sekali gus menjadikan pembelajaran STI dan sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) lebih menarik serta dekat dengan kehidupan seharian.

"Ini adalah antara inisiatif MOSTI untuk menjayakan pembudayaan sains dalam kalangan pelajar sekolah dengan mencungkil bakat menerusi pertandingan dan pameran yang disediakan.

"MOSTI juga cuba memupuk dan menyuburkan minat rakyat terhadap bidang berkenaan, selain merangsang penghasilan idea inovatif serta mencungkil bakat terpendam di seluruh negara dan seterusnya melahirkan saintis negara," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyempurnakan Majlis Perasmian Pembukaan Program Malaysia Techlympic Peringkat Zon Sabah 2026 di Universiti Malaysia Sabah (UMS), di sini, hari ini.

Menurut Mohammad Yusof, pendekatan pembelajaran berasaskan pengalaman itu dilaksanakan menerusi platform pertandingan yang menghimpunkan bakat muda berusia antara tujuh hingga 30 tahun, daripada murid sekolah hingga golongan belia.

Katanya, usaha berkenaan penting bagi memastikan generasi muda bukan sekadar menjadi pengguna teknologi, sebaliknya mampu menguasai, mencipta, mengadaptasi dan menerajui teknologi demi kepentingan negara.

"Program Malaysia Techlympic 2026 Peringkat Zon Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan kali ini mencatat penyertaan seramai 1,043 peserta, manakala penyertaan di peringkat kebangsaan sudah mencapai lebih dua juta.

"Ini satu petanda bagaimana program ini membantu kerajaan dalam pembudayaan sains kerana ketika ini negara kekurangan kepakaran dalam bidang sains," ujarnya.

Beliau berkata, inisiatif berkenaan turut menyokong pembangunan ekonomi dan kesejahteraan masyarakat serta negara melalui penguasaan dan pemanfaatan teknologi oleh generasi muda.-TVS